



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

## **SIARAN MEDIA**

### **HARI INTEGRITI KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi hari ini telah merasmikan Hari Integriti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) yang dihadiri lebih 400 warga MEA dan agensi di bawahnya yang diadakan di Auditorium Blok B1, Kompleks B, Jabatan Perdana Menteri. YBhg. Puan Latheefa Koya, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia turut hadir menyampaikan ucapan bertajuk "Rasuah Disisih, Negara Bersih."

Sambutan Hari Integriti yang julung kali diadakan sejak MEA ditubuhkan merupakan manifestasi komitmen bagi menggilap iltizam seluruh warga MEA untuk menyuburkan usaha pencegahan rasuah dan memperkukuh pembudayaan integriti di MEA. Ini sejajar dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada awal tahun ini yang merupakan tekad Kerajaan untuk membangunkan Malaysia yang bersih dan bebas daripada rasuah.

Pelaksanaan integriti bermula daripada diri sendiri dan juga sebagai warga kerja dalam pentadbiran supaya tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan dilaksanakan dengan berintegriti dan beretika. Sejar dengan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, aspek tadbir urus, integriti dan antirasuah perlu diberikan perhatian dan agenda ini diteruskan dalam penyediaan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).

Sempena majlis ini juga, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali telah menerima lafaz ikrar integriti dari warga MEA dan turut menyampaikan Watikah Ikrar Integriti kepada 31 buah agensi di bawah MEA. Ikrar Integriti MEA diperkenalkan bagi meningkatkan iltizam serta menghayati pentingnya integriti dalam pelaksanaan kerja di MEA.

Sesi wacana ilmu yang turut diadakan pada hari ini antaranya Taklimat Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), percambahan fikiran dan perkongsian pengalaman. Turut hadir adalah Encik Azhar Noraini, Pengarah Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam mewakili YBhg. Dato' Saiful Anuar Lebai Hussien; Ketua Setiausaha MEA, Ketua-ketua Agensi di bawah MEA, Pegawai-pegawai Kanan SPRM, Pengarah-pengarah Bahagian serta warga MEA.

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

**31 Oktober 2019**